





Hamil? Atau anda rasa anda mungkin telah hamil?


Sinar-X (sinaran mengion) boleh membahayakan anak anda yang belum lahir.

Kesedaran tentang Status Kehamilan untuk Pemeriksaan X-ray

 Kami perlu mengetahui status kehamilan anda sekiranya anda adalah seorang wanita berumur antara 9 hingga 60 tahun kerana terdapat kemungkinan anda telah hamil.

 Sinar-X atau sinaran mengion boleh membahayakan bayi yang belum lahir.

Risiko kecacatan kelahiran, barah dan penyakit tertentu pada bayi yang belum lahir mungkin meningkat sekiranya terdapat pendedahan kepada sinaran mengion. Risiko tersebut amat bergantung pada jenis pemeriksaan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pendedahan kepada sinaran mengion.

 Pemeriksaan yang menggunakan sinaran mengion adalah:

- X-ray atau radiografi (contohnya X-Ray dada, X-Ray abdomen, X-Ray tulang)
- Imbasan CT (contohnya CT otak, CT abdomen/pelvis, CT Urogram, CT Angiogram)
- Fluoroskopi (contohnya Barium Meal, Barium Swallow, Cholangiogram)
- Mamografi atau Mamogram
- Imbasan Perubatan Nuklear (contohnya PET CT, Imbasan tulang)

Kejadian boleh berlaku

Terdapat kes di mana pesakit menganggap mereka tidak hamil tetapi didapati hamil selepas pemeriksaan. Ini telah menimbulkan kegelisahan dan tekanan yang besar bagi bakal ibu bapa.

Oleh itu, sila berjumpa dengan mana-mana kakitangan atau doktor kami pada bila-bila masa jika anda tidak pasti mengenai status kehamilan anda atau anda rasa anda mungkin telah hamil.



Selain itu jika anda dijadualkan untuk menjalani pemeriksaan pelvis dengan dos radiasi yang tinggi, sila ambil perhatian tentang perkara yang berikut:

- ✓ Anda akan menerima surat persiapan melalui pos yang mengandungi amaran berikut:

This is an examination with high radiation dose to the pelvis.
Ini adalah pemeriksaan pelvis dengan dos radiasi yang tinggi.

- ✓ Pelvis merangkumi bahagian di bawah dada dan di atas lutut.
- ✓ Kami hanya boleh menjalankan pemeriksaan sedemikian **dalam tempoh 14 hari selepas haid anda bermula** kerana anda mungkin hamil 14 hari selepas haid anda.

- ✓ **Sekiranya tarikh janji temu anda melebihi 14 hari selepas haid terakhir anda, sila hubungi kami untuk menjadualkan semula janji temu anda.**

- Imbas Kod QR ini atau
- Hantar e-mel kepada gdrppt@sgh.com.sg atau
- Buat panggilan ke 6321 4225
(Isnin hingga Jumaat: 0830 – 1800,
Sabtu: 0830 – 1230)



Di bawah dada

Di atas lutut

- ✓ Peraturan 14-hari TIDAK terpakai jika anda:
 - berumur kurang daripada 9 tahun atau lebih daripada 60 tahun (berdasarkan tarikh lahir)
 - telah membuang rahim (histerektomi) atau ovari (ooforektomi) anda
 - telah mencapai menopause DAN tidak datang haid untuk lebih satu tahun
 - sedang menjalani kemoterapi
 - mempunyai alat kontraseptif intrauterin (IUCD), telah mengikat tiub (ligasi tiub)
 - sedang mengambil pil kontraseptif hormon dan tidak pernah terlepas pil



Untuk pemahaman yang lebih baik mengenai peraturan 14 hari

Contoh 1

Haid saya bermula pada **10 Ogos 2021**, dan janji temu saya adalah pada **23 Ogos 2021**. Bolehkah saya membuat pemeriksaan?




Kerana tarikh tersebut adalah dalam tempoh 14 hari

Contoh 2

Haid saya bermula pada **10 Ogos 2021**, dan janji temu saya adalah pada **24 Ogos 2021**. Bolehkah saya membuat pemeriksaan?



Kerana tarikh tersebut melebihi 14 hari



Scan the QR code for English, Mandarin, Malay & Tamil



Singapore General Hospital
SingHealth

Diagnostic Radiology
Outram Road
Singapore 169608
www.sgh.com.sg

Reg. No: 198705907Z
Information correct as at
October 2021

PATIENTS. AT THE HEART OF ALL WE DO.®